

## Gerakan Islah Muhammad Rashid Rida dan Pengaruhnya Terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia

FARID MAT ZAIN

### Abstrak

*Makalah ini bertujuan untuk mengetengahkan keperibadian seorang tokoh islah yang terkenal di Mesir, iaitu Muhammad Rashid Rida terhadap kebangkitan Islam di Malaya dan kemudian Malaysia. Tinjauan akan dilakukan terhadap kegiatan islah yang dilakukan oleh tokoh islah tersebut dalam usaha memperkasakan umat Islam yang pada masa itu berada di bawah penjajah Barat. Kegiatan yang dilakukan ternyata mempengaruhi kesedaran dan kebangkitan Islam di kawasan dunia Islam yang lain. Makalah ini juga akan meninjau sejauh mana gerakan islah yang dilakukan oleh Muhammad Rashid Rida itu terhadap perkembangan dan perubahan Islam di Malaysia. Beberapa aspek perjuangan dikenal pasti mempengaruhi gerakan Islam di Malaysia. Aspek yang kuat menonjol ialah dari sudut metodologi dakwah, pendidikan dan bentuk perjuangan untuk memperkasakan umat Islam. Untuk mengenalpasti pengaruh tersebut penulisan ini menggunakan kaedah analisis terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh tokoh Muhammad Rashid Rida. Di samping perbandingan terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh kumpulan gerakan islah di Malaysia.*

### Abstract

*This article discusses the personality of an Egyptian Islamic reformist, Muhammad Rashid Rida and his contributions to Islamic reformism and revivalism in Malaysia. It presents his activities and efforts to strengthen Muslim community that was under the Western occupation and rule then. These activities seem to have led to the awakening of the Muslims in Egypt and elsewhere in the Muslim world including Malaya and then Malaysia. The article also analyses how Muhammad Rashid Rida had spread and contributed to Islamic revivalism in Malaysia. Several aspects of his contributions are identified such as his methods of Islamic missionary activities and Islamic education to strengthen the Muslim community. To explore the influence of the Muslim thinker, this article draws upon the method of analysis of his works. In addition, this paper also compares the works of Rashid Rida with those of Malay reformist writers in Malaysia.*

### PENDAHULUAN

Kebangkitan Islam di Malaysia berkait rapat dengan perubahan dan perkembangan yang berlaku di negara-negara Islam lain. Beberapa pengkaji Islam seperti William R. Roff (1967) dan Deliar Noer (1980)

menyatakan kebangkitan Islam dipengaruhi secara langsung dari Timur Tengah khususnya Mesir. Tokoh yang menjadi sebutan dalam kebangkitan Islam ialah Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh. Namun jika ditinjau kepada perjuangan dua orang tokoh tersebut, nama Muhammad Rashid Rida tidak ketinggalan menjadi penerus dan penyambung perjuangan yang ditinggalkan oleh dua tokoh besar itu. Muhammad Rashid Rida memain peranan penting dalam menyemarakkan kebangkitan Islam di luar kota Kaherah.

Makalah ini bertujuan untuk mengetengahkan peranan dan pengaruh Muhammad Rashid Rida terhadap kebangkitan Islam di Tanah Melayu. Pemerhatian akan disingkap daripada beberapa karya yang dihasilkan oleh Muhammad Rashid Rida iaitu *al-Manar*, majalah mingguan yang dihasilkan dan penulisan penting beliau ialah *al-Khilafah*. Pengaruh tokoh ini terhadap kebangkitan Islam di Tanah Melayu boleh ditinjau melalui majalah yang dihasilkan oleh pendokong aliran tokoh ini seperti majalah *al-Imam* dan *Saudara*.

#### LATAR BELAKANG PERIBADI MUHAMMAD RASHID RIDA

Nama beliau ialah Muhammad Rashid bin Ali Rida bin Muhammad Shams al-Din bin Muhammad Baha al-Din bin Munla Ali Khalifah. Dilahirkan di Kalamun, sebuah perkampungan berhampiran dengan Tripoli, Syria pada Jamad al-Awwal 1282/ September 1865. Syria pada masa ini berada di bawah pentadbiran Dawlah Uthmaniyyah dan majoriti umat Islam bermazhab Sunni. Bapa Rashid Rida berkedudukan tinggi dalam masyarakat lantaran susur galur keturunannya sampai kepada Rasulullah (Adam 1968,177 & Ede, 2001).

Rashid Rida mendapat pendidikan awal di *kuttab* kampungnya, Kalamun. Pembelajaran di sini tidak memuaskan hati bapanya lantaran sistem pengajian yang bersifat umum. Selepas setahun iaitu pada 1879 Rashid Rida dihantar ke *al-madrasah al-wataniyyah* yang diasaskan oleh Shaykh Husayn Jisr (1845-1909), seorang ulama tempatan terkenal. Melaluinya, Rashid Rida menimba ilmu pengetahuan dan membangun potensi dirinya dalam menghadapi kehidupan seharian. Di sini beliau mempelajari ilmu-ilmu asas agama seperti akidah, fiqh, al-Qur'an dan Hadith juga ilmu-ilmu *naqli* seperti mantik, matematik, sains tabei, disamping mata pelajaran bahasa iaitu Bahasa Arab, Turki dan Perancis. Di tahap ini juga Rashid Rida didedahkan dengan pemikiran kritis dan ini telah mempengaruhi jiwanya. Justeru beliau cenderung mengungkap idea melalui penulisan yang mula berputik

dalam dirinya. Bakat tersebut tidak dibiarkan sahaja oleh gurunya, lalu dibawa Rashid Rida berkenalan dengan rakan-rakan yang mahir dalam penulisan (Shahin 1994: 4-5).

Menjelaki usia remaja, Muhammad Rashid Rida juga cenderung terhadap ajaran tasawuf. Beliau terpengaruh dengan ajaran ini setelah membaca kitab *Ihya' Ulum al-Din* karya agong Imam Abu Hamid al-Ghazali. Beliau tertarik dengan konsep tasawuf yang terungkap dalam kitab tersebut yang menyentuh mengenai sifat zuhud, tawaduk dan *qana'ah*. Amalan seperti mengurangkan makan dan tidur dipraktis dalam kehidupan sehari-hari. Tertarik dengan amalan tersebut menyebabkan beliau menganggotai tarekat Naqshabandiyah, sebuah tarekat yang masyhur dan diamalkan oleh masyarakat pada waktu itu (Badawi 1976: 97).

Akhir abad ke-19 berlaku gerakan islah di Mesir yang dipelopori oleh Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad 'Abduh. Mereka menerbitkan majalah *al-'Urwat al-Wuthqa*, untuk menyebarkan idea islah yang menjadi gagasan majalah tersebut. Majalah tersebut menyentuh perasaan Rida menyebabkan timbul keinginan untuk berhubung dengan Jamal al-Din al-Afghani. Beliau membaca majalah tersebut daripada simpanan bapanya dan atas minatnya tersebut beliau menulis semula dengan lebih sempurna. Pada 1893 beliau menulis surat kepada Jamal al-Din Afghani untuk menjadi murid dan bergabung dengan tokoh sanjungannya itu. Namun hasratnya tidak kesampaian kerana pada tahun 1897 tokoh idolanya itu meninggal dunia (Badawi 1976: 98).

Pada 1897/8 Rashid Rida meninggalkan Syria menuju ke Mesir (Adam 1968:179). Pada masa ini beliau telah tamat pengajian dan dikurniakan ijazah *'alim*. Pemergian ke Mesir adalah untuk menggabungkan diri bersama dengan Muhammad 'Abduh merealisasikan dakwah Islamiyyah dan membangun umat Islam. Hasrat untuk bersama dengan Muhammad 'Abduh sudah lama tersemai sejak beliau mengenali Muhammad 'Abduh semasa gurunya itu berada di Syria kerana menjalani hukuman buang daerah oleh pemerintah Mesir.

#### JAM'IYAT AL-DA'WAH WA AL-IRSHAD

Gabungan Muhammad Abduh dengan Muhammad Rashid Rida menyemarakkan lagi dakwah dan kebangkitan Islam di Mesir. Mereka bersama menubuhkan *Jama'ah al-Manar* dan menghasilkan majalah iaitu *al-Manar*. Keluaran pertama majalah suara islah ini pada 22

Syawal 1315/ Mac 1898 (Shahin 1994:8). Rida juga merealisasikan hasrat Muhammad Abduh dalam reformasi pendidikan di Mesir dengan menubuhkan *Jam'iyyat al-Da'wah wa al-Irshad*. Madrasah yang bertujuan membentuk kader dakwah ditubuhkan. Melalui madrasah ini undangan dibuat kepada umat Islam seluruh dunia untuk datang ke Mesir dan menganggotai pertubuhan tersebut. Pada masa ini mereka boleh belajar di al-Azhar. Pada masa inilah beberapa orang ulama Melayu mula mengenali al-Azhar dan mengalih arah daripada Makkah ke Kaherah. Antara ulama yang terlibat ialah Shaykh Ahmad al-Fatani dan Tok Kenali. Al-Azhar semakin masyhur dan menggamt ramai orang Melayu untuk menuntut di universiti Islam tertua itu.

Rashid Rida bekerjasama dengan Muhammad Abduh sebagai murid dan pembantu kerja-kerja penulisan hingga gurunya meninggal dunia pada 1905 (Farid 1991:116). Dalam aspek rumah tangga, Rashid Rida mendirikan rumah tangga sebanyak tiga kali. Perkahwinan dua kali pertama tidak lama dan terputus di pertengahan jalan, sementara perkahwinan kali ketiga melahirkan beberapa orang anak (W Ende: 2001)

Pada akhir abad ke-19 Sultan Abd al-Hamid II berkuasa terhadap Dawlah Uthmaniyyah. Beliau melihat Uthmaniyyah semakin merosot berikutan pengaruh Barat yang kuat memasuki pemerintahannya. Justeru beliau berusaha menguatkan kembali kerajaan dengan menyeru umat Islam supaya bersatu. Beliau memperkenalkan dasar “Pan-Islamise” untuk menyatukan seluruh umat Islam tanpa mengira bangsa dan warna kulit untuk menghadapi kekuasaan Barat. Jamal al-Din al-Afghani menjadi tokoh islah sanjungan umat Islam telah diundang ke Istanbul. Namun rancangan ini juga tidak mencapai sasaran. Rakyat mengkritik dasar Sultan Abd al-Hamid II yang mengenakan kuasanya secara mutlak. Usaha al-Afghani tidak disenangi oleh sesetengah pihak hingga menyebabkan rancangannya tergendala. Tidak berapa lama selepas itu beliau meninggal dunia. Sultan Abd al-Hamid II digulingkan oleh kumpulan yang dikenali sebagai Turki Muda pada 1908.

#### AL-MANAR

Bagi menyebarkan misi islah yang dicetuskan, majalah *al-Manar* diterbitkan pada 22 Syawal 1310 bersamaan 17 Mac 1898 (Charles Adam 1968: 180). Idea untuk menerbitkan majalah tersebut timbul sebelum Rashid Rida datang ke Kaherah, Mesir pada 1897 lagi, tetapi tidak dapat disempurnakan memandangkan pihak kerajaan

Uthmaniyyah yang menguasai Syria pada masa itu mengawal segala bentuk penerbitan yang boleh menggugat pengaruh dan kekuasaannya. Tambahan pula pada masa itu sudah ada majalah "Thamarat al-Funun" diterbitkan dan diketuai al-Ustadh 'Abd al-Qadir al-Qabbani sebagai editor (al-Najjar 2000: 53).

Pada awal penerbitannya, *Al-Manar* mengandungi 8 halaman dan diterbitkan secara mingguan. Nama *al-Manar* bermaksud sinar, digunakan kerana ingin mengambil roh daripada sebuah Hadith Rasulullah bermaksud "Sesungguhnya Islam itu menyinari dan bercahaya seperti penyuluhan sepanjang jalan". Namun konsep dan pendekatan penerbitan majalah ini tidak terlepas daripada meneruskan apa yang telah diterbitkan majalah *al-Urwat al-Wuthqa* sebelumnya. Pada awal penerbitan, majalah *al-Manar* banyak memberi perhatian terhadap seruan umat Islam untuk berdakwah dan tarbiyah. Kemudian skop mulai meluas kepada aspek politik yang isu umat Islam khususnya menyentuh isu-isu semasa.

Kandungan *al-Manar* terbahagi kepada dua bahagian iaitu; pertama, penafsiran Quran yang dihuraikan mengikut pandangan gurunya Muhammad Abduh serta beberapa fatwa dan pandangan beliau sendiri mengenai persoalan agama yang menyentuh isu-isu kontemporari. Kedua majalah ini memaparkan beberapa artikel mengenai politik, sosial, kesusasteraan, sejarah dan peradaban, isu-isu agama dan beberapa ucaputama dan surat perjanjian penting yang berkaitan.

Perbahasan isu-isu yang berkait dengan dunia Islam semakin serius dibincangkan setelah ketadaan gurunya Muhammad Abduh yang meninggal dunia pada tahun 1905. Ini kerana gurunya sentiasa mengingatkan Rashid Rida agar tidak terlalu lantang dalam politik demi menjaga kemaslahatan dakwah. Rashid Rida lantas bergerak bebas dan lantang menyuarakan misi perjuangannya melalui *al-Manar*. Shaykh Mustafa Sabri, salah seorang anak murid beliau menyatakan bahawa Rashid Rida mempunyai misi dan visi yang bernilai kepada seluruh umat Islam melalui *al-Manar*. Beliau umpama penunggang kuda di medan perang yang gagah dan berani berhadapan dengan musuh Islam (Khalid Fauzi t.th :42).

Selain itu, *al-Manar* juga merupakan majalah yang menghuraikan pemikiran dan pandangan Rashid Rida mengenai fenomena politik yang berlaku di Timur Tengah ketika itu. Di samping itu menjadi paparan kepada umat Islam mengenai kezaliman Barat hingga berjaya membongkar misi Barat di dunia Islam. Malah *al-Manar* juga turut mendapat sumbangan idea daripada beberapa tokoh islah yang

berpengaruh seperti <sup>c</sup>Abd Rahman al-Kawakibi, Abd Rahman al-Rafī'i, Mustafa al-Manfaluti, Hafiz Ibrahim, Muhammad Rawhi al-Khalidi, Hifni Nasif, Shakib Arsalan, Abd Hamid al-Zahrawi dan Rafiq al-<sup>c</sup>Azam (Shahin 1993: 9). Melalui sumbangan idea dan penyebaran maklumat oleh tokoh-tokoh islah ini menjadikan *al-Manār* sebagai rujukan mengenai masyarakat Arab ketika itu serta maklumbalas terhadap fenomena yang melanda umat Islam. Malah peranan yang dimainkan oleh *al-Manār* turut memberi kesan dan pengaruh terhadap masyarakat Arab dan masyarakat Timur.

*Al-Manar* bukan hanya membekalkan jawapan dan maklumbalas mengenai isu-isu genting yang melanda masyarakat Arab dan umat Islam, bahkan ia berjaya menyingkap persoalan kekuasaan negara-negara Barat dan kemunduran umat Islam. Lantaran kelantangngan suara *al-Manar* menentang penjajahan Barat, membongkar setiap helah Barat ke atas dunia Islam telah memberi kesan dan membangkitkan kesedaran Melayu dan menarik mereka dengan isu-isu yang dibahaskan. Masyarakat Melayu mula tersentuh apabila isu kemunduran dan kedaifan orang Islam diutarakan dalam majalah tersebut. Lantaran itu, pada awal abad ke-20 lahirnya pelbagai akhbar dan majalah yang berbentuk islah ke arah kesedaran membangkitkan semula Islam dalam kehidupan.

#### AL-KHILAFAH

Berikutan revolusi Turki Muda pada 1908 Rashid Rida yang berada di Istanbul kembali ke Syria. Beliau mengadakan kempen menyeru penyatuan Islam antara Arab dan Turki dalam usaha mengukuhkan dawlah Uthmaniyyah. Pada 1909 beliau pergi semula ke Istanbul untuk dua tujuan; pertama menuju *al-Madrasah al-Da'wah wa al-Irshad*, kedua mengukuhkan ikatan persaudaraan Arab-Turki yang pada masa itu menuju perpecahan (Tauber 1998: 261). Perhubungan Arab-Turki merosot selepas turunnya Sultan <sup>c</sup>Abd al-Hamid II dan naiknya kumpulan Turki Muda (Young Turk). Mereka yang juga dikenali dengan kumpulan *al-Ittiḥād wa al-Tarāqqi* atau *Committee of Union and Progress* (CUP) menganjurkan gagasan Pan-Turanisme iaitu penyatuan Turki. Ini merupakan permulaan gerakan nasionalisme di Turki sekaligus hubungan persaudaraan Islam yang terjalin tanpa mengira bangsa menjadi renggang. Hasilnya rancangan Rashid Rida tidak dapat sambutan.

Pada 1910, iaitu selepas setahun di Istanbul, Rida kecewa dan marah terhadap sikap Turki Muda yang acuh tak acuh terhadap

rancangannya lalu menganggap kumpulan tersebut sebagai mempermankannya. Bermula daripada itu Rashid Rida tidak boleh memaafkan perbuatan Turki Muda itu. Rashid Rida menyatakan bangsa Turki tidak boleh diharap dan menuduh bangsa itu sebagai bertanggungjawab terhadap kejatuhan sistem khilafah (Rida 1923:12). Dalam suasana sistem khilafah yang terumbang ambing itu, Rashid Rida dilihat orang yang terkehadapan dan konsisten memperjuangkan sistem khilafah. Beliau berpendapat sistem khilafah merupakan simbul kedaulatan Islam dan kekuatan masyarakat. Umat Islam perlu mewujudkan sistem khilafah agar mereka tidak dihina dan ditindas oleh penjajah. Dalam mukadimah kitabnya beliau menyatakan bahawa runtuhan khilafah Islamiyyah merupakan fitnah terbesar bagi seluruh umat Islam di muka bumi ini (Rida 1923: 13).

Kecewa dengan sikap Turki Muda yang memegang kuasa Dawlah Uthmaniyyah, Rashid Rida tidak menaruh harapan kepada bangsa tersebut untuk menghidupkan khilafah. Beliau berpendapat sistem khilafah tidak boleh ditegakkan lagi di Istanbul sebaliknya perlu dipindah ke tempat lain dan tempat yang paling sesuai ialah di Makkah (Nadav Safran 1961: 78).

Setelah gagal di Istanbul, Rashid Rida kembali ke Mesir. Pada masa ini beliau bergerak dalam dua tahap; terbuka dan rahasia. Secara terbuka menggerakkan aktiviti pertubuhan *al-Da'wah wa al-Irshad*, kedua secara rahasia menubuhkan persatuan Pernyatuan Arab (*Jami'iyyat al-Jami'ah al-'Arabiyyah*) (Tauber 1998: 262). Persatuan baru ini mempunyai dua tujuan; menyatukan amir-amir di semenanjung Tanah Arab dan mengelakkan perselisihan sesama mereka, kedua untuk menjalinkan kerjasama antara negara Arab untuk membangunkan wilayah mereka dan kedua menjalinkan hubungan dan kerjasama seluruh orang Islam di Syria, Iraq dan Istanbul untuk melawan gerakan CUP. Justeru itu Rashid Rida mengajak semua *amir* Arab untuk menyertai kesatuan yang dianjurkan. Lebih daripada itu Rashid Rida merancang mewujudkan pemerintahan untuk orang Arab.

Rida memulakan misinya dengan memujuk dan berunding dengan Ibn Saud, pemerintah Najd menyatakan akan keperluan menguatkan penyatuan orang Arab di semenanjung. Beliau juga menghantar wakil untuk berjumpa dengan Imam Yahya, pemerintah Yaman dan Sayyid Idrisi, pemimpin Asir. Pada asasnya kedua pemimpin tersebut menyambut baik rancangan Rashid Rida. Ibn Saud meminta Rashid Rida menghantar wakil untuk menerangkan dengan lebih jelas misinya dari sudut dakwah dan politik supaya memudahkan Ibn Saud menarik sokongan pengikutnya. Rashid Rida lalu menghantar beberapa orang

wakil menemui Ibn Saud beserta beberapa buah buku hasil karyanya. Namun wakil tersebut gagal mememuhi Ibn Saud kerana Perang Dunia I meletus, sementara buku-buku dirampas di Bombay (Tauber 1998: 262).

Perang Dunia I tercetus di Timur Tengah pada awal November 1914. Situasi di Istanbul menunjukkan reaksi yang berbeza. Uthmaniyyah memasuki perang dengan suara minoriti. Sebahagian besar mencadangkan agar Uthmaniyyah bersikap berkecuali. Namun pemimpin CUP yang meneraju Uthmaniyyah membuat keputusan tergesa-gesa untuk terlibat dalam perang dunia tersebut. Enver Pasha sebagai menteri perang mengisyiharkan penglibatan Uthmaniyyah dalam perang dengan berpihak kepada Jerman, kuasa utama dalam pakatan *Central Powers*.

British sangat marah dengan tindakan Uthmaniyyah tersebut, namun ia sudah menduga bahawa Uthmaniyyah akan berbuat demikian. British mahu Uthmaniyyah berkecuali atau menyokongnya. Ini kerana Uthmaniyyah merupakan kuasa besar yang akan menggugat kuasa British dengan mempengaruhi umat Islam menentangnya. Kekhawatiran itu menyebabkan British mengatur strategi supaya umat Islam tidak menyokong keputusan Uthmaniyyah dan turut serta dalam perperangan yang diadakan.

Rashid Rida yang marah dengan tindakan CUP mengambil peluang keributan Uthmaniyyah dalam Perang Dunia I untuk menyatukan seluruh pemimpin umat Islam dan mengalihkan khalifah kepada orang Arab. Rashid Rida merupakan orang sibuk semasa perang sedang tercetus. Hampir semua wilayah Islam dikunjungi untuk memujuk pemimpin Islam pada masa itu menyokong gagasannya menyelamatkan sistem khilafah. Tercetus sahaja peperangan Rida pergi ke Hijaz (1916 dan lagi 1926), Syria (1919-20), Eropah (1921-2) dan Jerusalem (1931). Semua ini dilaporkan dalam majalah beliau iaitu *al-Manar*. Pada masa ini juga dimasukkan pemikiran-pemikiran oleh ulama semasa. Beliau juga berhubung rapat dengan Shakib Arslan, seorang tokoh pemikir Islam mengajak berjuang bersama-sama untuk mencapai misi yang ditetapkan (W Ende 2001).

Pendirian Rashid Rida menentang Turki, tidak bermakna beliau menyokong British malah menganggap kuasa besar abad ke-20 itu sebagai penyebab kejatuhan sistem khilafah. Beliau berpendapat pihak Barat sangat benci dengan sistem khilafah dan berusaha untuk memisahkan umat Islam daripada sistem tersebut. Kebencian mendalam pihak Barat terhadap sistem khilafah bermula sejak kekalahan mereka dalam Perang Salib. Rashid Rida juga menganggap

orang Islam yang tidak menyokong pelaksanaan sistem khilafah sama dengan orang Barat dan sikap tersebut boleh membawa seseorang menjadi murtad (Rashid Rida 1923: 118).

Perang Dunia I ke atas umat Islam berakhir dengan penguasaan tentera Bersekutu (*The Entente Powers*) ke atas Istanbul. Satu perjanjian di tanda tangan sebagai tanda berakhirnya perang dengan Dawlah Uthmaniyyah pada 1919. Pemimpin-pemimpin CUP dihukum dan di buang negeri. Namun pada masa ini masih ada pemimpin Uthmaniyyah yang berjuang menyelamatkan wilayah Uthmaniyyah daripada terus lenyap dari peta dunia. Beliau ialah Mustafa Kamal yang berjaya menyelamatkan sebahagian wilayah Anatolia daripada serangan British. Serangan tentera British dapat dipatahkan dan beliau akhirnya diakui sebagai pemimpin Turki. Mustafa Kamal yang kecewa dengan perjalanan khilafah di Turki bertindak menghapuskan sistem yang terlaksana sejak berzaman lamanya pada Mac 1924. Umat Islam merintih sedih di atas kehilangan tersebut. Sistem yang menjadi ikatan ukhuwwah Islamiyyah dan kesatuan umat Islam hancur musnah. Kini umat Islam dipisah-pisahkan dalam wilayah berasaskan bangsa yang dikenali dengan ‘nation state’. Dalam ‘kandang’ itu mereka diberi ruang untuk bergerak dan memperjuangkan kepentingan masing-masing.

Rashid Rida terus mengatur rancangan dengan mengadakan persidangan dengan lebih kerap. Risalah-risalah menyatakan keperluan menghidupkan sistem khilafah diterbit dan disebarluaskan kepada seluruh umat Islam khususnya semasa kedatangan mereka ke Makkah untuk menuaikan haji. Beliau juga mengambil kesempatan musim haji untuk berjumpa dengan pemimpin-pemimpin wilayah Arab seperti Hijaz, Asir, Yaman dan Najd untuk membentuk majlis persefahaman (*majlis al-hilf*) dan bersetuju untuk melantik Sharif Husain sebagai ketua kepada pakatan tersebut (Tauber 1998 : 266). Namun berikutan perang memuncak berlaku konflik antara Sharif Husain dan Rashid Rida yang menyebabkan Sharif Husain kemudiannya menolak rancangan Rashid Rida. Pada masa yang sama berlaku perebutan kuasa antara Sharif Husain dengan puak Najd untuk merebut kekuasaan di Arabia.

Dalam beberapa persidangan, persidangan di Makkah sebagai persidangan yang penting. Ia berlangsung pada 1926 bertujuan untuk membincangkan persoalan berkaitan dengan khilafah dan melantik pemimpin yang layak untuk memegang jawatan ini. Abd al-Aziz bin Saud yang menjadi tuan rumah persidangan ini meminta jemputan dibuat dengan lebih menyeluruh tidak terhad kepada pemimpin Arab

sahaja (al-Shawabikah 1989:344). Persidangan ini disertai oleh pemimpin-pemimpin umat Islam dan para ulama besar wilayah masing-masing. Antara mereka ialah Sulaiman al-Nadvi (wakil gerakan Khalifah di India), Muhammad Kifayat Allah (Wakil Persatuan Ulama India), Shaykh Sanaullah (ulama dan ahli Hadith dari India), Sayyid Amin al-Husaini (Mufti Besar Palestin) dan wakil-wakil negara Islam lain seperti Syria, Najd, Yaman, Hijaz dan tidak ketinggalan dari rantau Melayu seperti Jawa diundang. Persidangan ini juga tidak mencapai kata sepakat untuk melantik siapa menjadi khalifah. Namun ia memberi kelebihan kepada Ibn Saud untuk menguatkan lagi pengaruhnya di Hijaz (Imran Hosein 1997:54-55).

Pada akhir kehidupan Rashid Rida, beliau berada dalam dua persimpangan antara menyokong Ibn Saud, pemimpin Hijaz dan Amir Faysal di Iraq khususnya dalam persoalan berkaitan pemimpin Arab dan khalifah umat Islam. Namun dalam dua persimpangan itu hasrat Rashid Rida untuk membebaskan wilayah dari kekuasaan Barat mencapai banyak kejayaan. Yang belum tercapai dan mengharapkan umat Islam menyambung usaha itu ialah mengembalikan semula sistem khilafah di tempatnya. Rashid Rida meninggal dunia pada 23 Jamad al-Awwal 1354H/ 22 Ogos 1935.

#### PENGARUH TERHADAP KEBANGKITAN ISLAM DI TANAH MELAYU

Interaksi Rashid Rida dengan orang Melayu boleh dikenal pasti melalui beberapa keadaan. Madrasah al-Da'wah wa al-Irshad yang diasaskan oleh Muhammad 'Abduh dan Rashid Rida dilihat memberi peluang yang besar kepada interaksi tersebut. Anak Melayu mula mengenai Mesir dan melanjutkan pengajian di al-Azhar, sebuah institusi pendidikan Islam tertua. Sebelum ini al-Azhar sangat asing kepada orang Melayu kerana tiada pendedahan dibuat. Respons diterima dari wilayah orang Islam seperti Palestin, India dan negara Islam lain untuk berkunjung dan menyahut seruan untuk belajar di al-Azhar. Selain belajar, mereka juga dilatih di Madrasah al-Da'wah wa al-Irshad sebagai pendakwah. Antara mereka yang mendapat manfaat daripada program ini ialah Amin al-Husaini dari Palestin yang kemudian menjadi mufti Palestin pertama. Di Indonesia seorang tokoh terkenal iaitu Kiyai Ahmad Dahlan juga mendapat didikan dari madrasah ini.

Tiada maklumat yang jelas siapa di kalangan orang Melayu yang mendapat peluang daripada tawaran tersebut. Ditelusuri kepada

perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu dan latar belakang pendidikan yang diperolehi oleh orang Melayu pada waktu itu kelihatannya tidak ramai yang yang belajar di sana atau mungkin tiada. Orang Melayu lebih tertumpu di Makkah untuk menuntut ilmu dan beribadat. Hampir keseluruhan ulama Melayu pada peringkat awal adalah keluaran daripada ‘Madrasah Makkah’. Terdapat dua institusi pengajian utama yang menjadi tarikan orang Melayu iaitu Dar al-Ulum dan Madrasah al-Salatiyah (Redzuan Othman 2005:71). Antara mereka ada yang pergi ke sana untuk melanjutkan pengajian dan tidak kurang juga yang terus menetap di sana. Setelah tamat pengajian mereka kembali ke tanah air dan menabur bakti kepada masyarakat dengan membuka pondok.

Hanya pada akhir abad ke-19 kelihatan beberapa orang ulama Melayu mula belajar di al-Azhar. Oleh kerana kurangnya orang Melayu belajar di Mesir, orang yang belajar di sana sangat disanjungi oleh masyarakat dan mereka sering menisbahkan nama dengan tempat belajar tersebut seperti al-Masri dan al-Azhari. Ini berlaku kepada Haji Muhammad Salleh al-Masri, pengasas Madrasah al-Masriah, Bukit Mertajam. Ditinjau kepada latar belakang pendidikan yang dilalui nyata bahawa beliau antara pelopor pelajar Melayu di Mesir. Beliau pergi ke sana pada tahun 1899 setelah tamat pengajian di Madrasah Padang Lalang, Bukit Mertajam selama tiga tahun (Fadhlullah Jamil 1994).

Haji Salleh Masri tidak bernasib baik apabila tiba di Kaherah, beliau ditangkap pihak berkuasa Mesir kerana disyaki sebagai pengintip Turki. Ini kerana wajahnya mirip orang Turki dan ia menggunakan pasport ‘Penang’, iaitu nama yang serupa dengan sebuah bandar dalam wilayah Turki Uthmaniyyah. Pada masa itu Mesir sedang berkonfrontasi dengan Dawlah Uthmaniyyah yang dipimpin oleh Sultan Abdul Hamid II (1876-1908). Haji Salleh berada dalam tahanan hampir sebulan kemudian dibebaskan setelah jelas latar belakangnya tiada kaitan dengan apa yang didakwa (Fadhlullah Jamil 1994).

Semasa berada di al-Azhar sekitar lima tahun iaitu pada 1899 sehingga tamat pengajian 1905 tidak menceritakan apakah Haji Salleh Masri berjumpa dengan Muhammad Abdurrahman juga Rashid Rida. Dalam tempoh ini, dua tokoh tersebut sedang rancak melaksanakan gerakan islah sama ada ke atas al-Azhar juga kegiatan dakwah kepada masyarakat. Haji Salleh kembali ke Pulau Pinang pada 1905 telah melakukan banyak perubahan terhadap masyarakat. Perubahan tersebut dilihat sebagai pengaruh daripada pengajiannya di al-Azhar. Antara

perubahan yang dilakukan ialah beliau dianggap sebagai pelopor pengajian berbentuk sekolah (madrasah). Sistem ini dilihat baru kepada masyarakat Melayu waktu itu ini kerana mereka biasa dengan sistem pendidikan berbentuk pondok. Beliau mendirikan Madrasah al-Masriyah al-Shubbaniyah di Bukit Mertajam dan menggunakan sukanan yang dipelajarinya di al-Azhar (Fadhlullah Jamil 1994).

Kemasyhuran al-Azhar semasa keberadaan Muhammad 'Abduh juga membuka mata beberapa orang ulama Melayu untuk berkunjung ke sana. Ulama Kelantan iaitu Tok Kenali bersama dengan gurunya Shaykh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani untuk berkunjung ke Mesir pada 1903. Mereka sebelumnya berada di Makkah pergi ke Mesir bersama rakannya yang lain iaitu Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail, anak guru Tok Kenali semasa di Kota Bharu, Haji Ismail Patani. Kunjungan mereka ke sana mengambil masa yang singkat sahaja namun mereka sempat meninjau perkembangan pendidikan Islam di al-Azhar dan beberapa institusi lain di Kaherah di samping berjumpa beberapa orang ulama di sana. Mereka kemudian kembali semula ke Makkah (Abdullah: 91).

Kunjungan yang singkat itu menunjukkan apresiasi ulama Melayu terhadap al-Azhar yang semakin masyhur kepada orang Melayu. Namun tempoh yang singkat tidak dibiarkan berlalu begitu sahaja. Tok Kenali disebutkan terkesan dengan kegiatan yang dilakukan oleh Muhammad Abduh dan Rashid Rida dalam berdakwah. Tok Kenali setelah kembali ke tanah air, Kelantan menerbitkan majalah *Pengasuh*. Ini merupakan majalah pertama berunsur Islam diterbitkan di Kelantan. Kemungkinan majalah ini mendapat inspirasi daripada majalah al-Manar yang diterbitkan di Mesir. Majalah ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di mana Tok Kenali juga turut menjadi seorang daripada ahli Jawantankuasa badan agama tersebut. Majalah Pengasuh diterbitkan pada Julai 1918 di mana Tok Kenali menjadi ketua editornya dan mengendali ruangan soal jawab agama (Abdullah 1974:93). Walaupun ada di kalangan masyarakat yang menganggap majalah *Pengasuh* merupakan suara golongan kaum Tua, namun daripda bahan-bahan penulisan yang disajikan seperti tafsir Ibn Kathir dan sebagainya jelas menunjukkan bahawa majalah tersebut cenderung kepada aliran Kaum Muda. Usaha mengajak masyarakat Islam kepada pembaharuan pemikiran dan mengamalkan ajaran Islam yang tulen menjadi misi penting perjuangan aliran Kaum Muda.

Rashid Rida bersama gurunya membuat pembaharuan pendidikan Islam ke atas al-Azhar. Mereka memperkenalkan subjek baru seperti

falsafah, sains dan pemikiran di samping membuat pembaharuan terhadap metode pengajaran dan pentadbiran institusi pendidikan terawal itu. Hal yang sama berlaku di Kelantan. Setelah wujud Majlis Agama di bawah Tok Kenali sebagai seorang ahli jawatankuasanya, bermula penubuhan sekolah agama mengambil alih sistem pengajian pondok. Masyarakat mula menerima kehadiran sekolah. Pelajar perempuan juga diberi ruang dalam persekolahan yang mana ia tidak berlaku sebelumnya dalam sistem pengajian pondok.

Selain Tok Kenali yang tidak pasti sempat bersemuka dengan Rashid Rida, terdapat tokoh-tokoh Melayu lain yang berkunjung ke Mesir dan bertemu langsung dengan Rashid Rida. Antara mereka ialah Sayyid Shaykh al-Hadi. Beliau berkunjung ke beberapa tempat penting di Timur Tengah seperti Makkah, Madinah dan Mesir dalam rangka mengiringi keluarga sultan Riau berkunjung ke sana. Semasa di Kaherah, Al-Hadi dilaporkan berjumpa dengan Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida. Namun William R. Roff tidak menyebut al-Hadi berjumpa dengan Abduh dan Rashid Rida sebaliknya menyatakan bahawa kedua tokoh Islam itu hanya berjumpa dengan Shaykh Tahir Jalaluddin yang pada masa itu menuntut di al-Azhar (Roff 1967: 62-63). Shaykh Tahir turut menyumbang artikel kepada majalah al-Manar yang diterbitkan oleh Rashid Rida.

Kumpulan yang terpengaruh dengan pemikiran islah di Mesir telah kembali ke tanah air dan mengembangkan idea tersebut dalam masyarakat. Gerakan ini dikenali sebagai Kaum Muda kerana membawa aliran baru dalam masyarakat. Ini telah membawa pertembungan idea dengan kelompok lama yang dikenali dengan Kaum Tua. Golongan ini terdiri daripada golongan ulama yang mendapat pendidikan pondok. Konflik antara Kaum Muda Kaum Tua berkisar sekitar masalah khilafiah yang dilaksanakan dalam masyarakat pada waktu itu. Antara masalah seperti cara membayar zakat fitrah, pembacaan *usalli* dalam solat, niat, amalan tidur dalam kubur, harta wakaf dan talkin (Nik Abdul Aziz 1983: 58).

Aliran Kaum Muda mula menular ke Kelantan dan aliran ini semakin dominan apabila ia diterima oleh beberapa orang ulama pada waktu itu. Konflik antara dua aliran ini menjadi tegang apabila timbul kes “masalah jilatan anjing”. Perdebatan berlaku antara Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, mewakili ulama Kaum Muda dengan ulama Kaum Tua yang diketuai oleh Haji Ibrahim bin Haji Yusuf, mufti Kelantan waktu itu. Beberapa orang ulama lain yang menyokong mufti tersebut ialah Haji Ahmad Mahir bin Haji Ismail, Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad. Perdebatan ini berakhir dengan tiada keputusan

di ambil dan menyerah kepada masyarakat untuk memilih untuk memakai pendapat mana yang disukai (Nik Abdul Aziz 1983:58). Disebutkan Haji Wan Musa menghantar surat kepada Rashid Rida bertanyakan mengenai pandangannya terhadap masalah yang timbul. Rashid Rida membalas surat tersebut memperakui pandangan Haji Wan Musa.

Selain pemikiran islah yang menular dalam masyarakat Melayu, pengaruh islah Rashid Rida juga boleh dilihat melalui bentuk dan teknik penyampaian Islam. Penerbitan majalah berunsurkan islah mula menarik perhatian dan mendapat tempat di hati masyarakat Islam. Sebelumnya atau secara khusus pada abad ke-19 sudah wujud majalah dan akhbar yang diterbitkan oleh beberapa individu dan kumpulan, namun nada Islam masih tidak menyerlah (Ahmat: 1992). Majalah pertama berunsur islah diterbitkan pada tahun 1906 ialah *al-Imam* dilihat sebagai majalah islah pertama di Tanah Melayu. Ia diterbitkan pada 23 Julai 1906 oleh Sayyid Shaykh al-Hadi bersama dengan rakannya Sayyid Muhammad bin Aqil, Shaykh Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Muhammad Taha dan Shaykh Muhammad bin Salim al-Kalali (Ibrahim 1994: 60)

*Al-Imam* merujuk kepada gelaran kepada Muhammad Abduh yang dikenali sebagai *al-Imam al-Shaykh Muhammad Abduh*. Tujuan utama penerbitan *al-Imam* ialah untuk memberi bimbingan dan petunjuk kepada masyarakat Melayu (*al-Imam*, jil.1 1906: 7). Pada padangan *al-Imam*, orang Melayu mesti meniru orang Arab yang pada masa sebelum Islam mereka berada dalam zaman gelap, namun dengan datangnya Islam mereka menjadi bangsa yang maju dan bertamadun. Jalan yang paling terbaik dan perlu untuk keluar dari kemunduran ialah dengan cara memahami Islam dengan cara yang sebenarnya (Abdullah 1984: 88). Pendekatan *al-Imam* sama dengan usaha yang dilakukan oleh Muhammad Abduh dengan Jamal al-Din al-Afghani yang menerbitkan majalah *al-Urwat al-Wuthqa*.

Pengaruh Muhammad Rashid Rida turut berlaku di luar Tanah Melayu. Majalah *al-Manar* diterbitkan oleh Muhammad Rashid Rida bersama Muhammad Abduh pada tahun 17 Mac 1898 (Shahin 1994: 8). *Al-Manar* bermaksud bercahaya menjadi pembakar semangat orang Melayu untuk kuar daripada belenggu kelemahan. Nada yang sama dilakukan oleh orang Melayu apabila menerbitkan majalah mereka. Pada tahun 1911 diterbitkan majalah *al-Munir* di Bukit Tinggi, Sumatera Barat diketuai oleh Haji Abdullah Ahmad. Noer (1996: 46) berpendapat penerbitan majalah ini merupakan pengaruh langsung

daripada penerbitan majalah al-Imam di Singapura. Majalah al-Munir yang diterbitkan dua kali seminggu berakhir pada 1916.

Majalah al-Imam yang menyebarkan gagasan islah tidak bertahan lama dan pada 1908 ia ditutup. Ia dikaitkan dengan perasaan tidak senang pihak British yang menguasai Tanah Melayu pada masa itu. Sayyid Shaykh al-Hadi selaku ketua pengarang majalah tersebut tidak berputus asa. Pada tahun 1928 Sayyid Shaykh al-Hadi sekali lagi menerbitkan akhbar Melayu iaitu *Saudara* di Pulau Pinang. Tujuan penerbitan *Saudara* ialah “untuk mencari persaudaraan atau persedaran di dalam pergaulan yang ramai. Bagi *Saudara*, adapun erti persaudaraan itu ialah serupa darah...serupa haluan, serupa kepercayaan dan serupa keperluan atau perjalanan menuju kepada pedoman yang satu, yang baik, yang direhui oleh Allah dan rasulNya” (Mahani Musa 1977: 52).

Sayyid Shaykh al-Hadi bersama dengan penyokongnya mengasaskan madrasah. Sarim Mustajab (1982:163) menyebut bahawa salah satu kesan penting gerakan islah boleh dilihat melalui kemunculan madrasah-madrasah yang beraliran islah di Tanah Melayu. Melalui madrasah ini konsep islah tersebar dengan meluas kepada masyarakat. Kemunculan madrasah juga memperlihatkan pembaharuan pendidikan di kalangan orang Melayu yang sebelum ini bergantung kepada sistem pendidikan pondok. Madrasah Iqbal Islamiah ditubuhkan di Singapura pada 1907 oleh Sayyid Shaykh al-Hadi (Ibrahim 1994:61). Madrasah ini sebagai perintis kepada penubuhan sekolah-sekolah aliran islah yang lain.

#### KESIMPULAN

Sebelum kemunculan Muhammad Rashid Rida sebagai penyambung obor islah di Mesir, orang Melayu tidak arif dengan peristiwa dan perkembangan Islam di wilayah tersebut. Justeru dengan kemunculan Muhammad Rashid Rida memperkenalkan program islah memberi peluang berinteraksi, seterusnya menerima program islah yang diperkenalkan. Idea islah kemudian meresapi dalam kehidupan orang Melayu dan tersebar dalam masyarakat. Orang Melayu mengarah perjuangan kepada pemurnian ajaran Islam dan ia dilakukan melalui pendidikan. Pembaharuan pendidikan dilakukan dengan mengubah bentuk pendidikan daripada pendidikan tradisional iaitu sistem pondok kepada sistem madrasah. Perubahan bentuk pendidikan ini memberi ruang yang besar golongan islah untuk mencurah idea dan perjuangan mereka khususnya untuk mengubah dan mengatasi kelemahan serta

segala bentuk pemikiran negatif yang membelenggu umat Islam pada masa itu.

Perubahan juga turut berlaku terhadap metode dakwah dimana seruan disampaikan melalui akhbar dan majalah. Walaupun sudah wujud penerbitan akhbar dan majalah sebelumnya, namun penerbitan yang mewakili islah masih belum menyerlah. Melau Rashid Rida terbentuk majalah dan akhbar berkonsep islah seperti yang berlaku kepada *al-Imam* dan *Saudara*. Malah di kalangan ulama tradisi juga telah memberi perhatian terhadap persoalan ini dengan menerbitkan majalah yang menggagaskan perjuangan mereka.

Namun tidak seluruh perjuangan tokoh tersebut diaplikasi dan diperjuangkan. Dalam aspek politik dan perjuangan membebaskan negara daripada penjajahan, masih tidak menyerlah. Justeru, adalah penting untuk melihat aspek perjuangan Rashid Rida dengan lebih menyeluruh. Beliau tidak hanya melakukan islah internal dengan menyedarkan umat Islam, tetapi beliau menggerak perjuangan umat Islam dalam Perang Dunia Pertama. DI samping itu beliau dilihat sangat aktif mempromosikan kepada umat Islam supaya mempertahan dan menghidupkan kembali sistem khilafah yang menuju kehancuran.

#### RUJUKAN

- \_\_\_\_\_. 1906. *Al-Imam*. Singapura: t.tp
- \_\_\_\_\_. *Al-Ikhwan*. 1931. Pulau Pinang: The Jelutong Press
- Abdullah al-Qari bin Haji Salleh. 1974. To' Kenali: Hislife and influence.
- Dalam Roff, William R. *Kelantan religion, society and politics in a Malay state*. Kuala Lumpur Oxford University Press.
- Abdullah bin Haji Jaafar. 1984. *al-Imam* Dalam Khoo Kay Kim (pnyl.) *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Damansara: Persatuan Muzium Malaysia.
- Adam, Charles C. 1968. *Islam and modernisme in Egypt*. New York: Russel
- Al-Shawabikhah, Ahmad Fahd Barakat (Dr.) 1989. *Muhammad Rashid Rida wa dawruhu fi al-hayah al-fikriyyah wa al-siyasah*. Amman: Dar Ammar li al-Nasyr wa al-Tawzī'
- Badawi, M.A Zaki. 1976. *Reformers of Egypt*. London: Croom Helm
- Deliar Noer. 1996. *Gerakan Modern Islam di Indonesia*. Jakarta LP3ES
- Encyclopaedia of Islam* CD-ROM. 2001. Leiden: EJ Brill.
- Fadhlullah Jamil. 1994. Latar Belakang, pemikiran, sumbangan Tuan Guru Haji Muhammad Saleh al-Masri dalam Gerakan Dakwah dan Perubahan Masyarakat. Dlm. Fadhlullah Jamil (pnyt.) *Sejarah Islam di Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.
- Farid Mat Zam. 1999. Muhammad Rashid Rida: Peranan terhadap kebangkitan Islam di Mesir. *Jurnal Pengajaran Arab dan Tamaddun*

- Islam. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam & Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT).*
- Hosein Imran N. 1977. *The Caliphate: The Hijaz and the Saudi Wahhabi Nation State.* Kuala Lumpur: Umma Vision Sdn. Bhd.
- Ibrahim Abu Bakar. 1994. Islamic modernism in Malaya: The life and thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Mahani Musa. 1997 Pengaruh Akhbar Saudara (1928-1941) Terhadap Perkembangan Pemikiran Masyarakat Islam di Tanah Melayu. Dlm. Badriah Haji Salleh. *Sejarah Islam di Pulau Pinang.* Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.
- Mohammad Redzuan Othman. 2005. Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Rida, al-Shaykh Muhammad Rashid. 1988. *al-Khilafah.* Kaherah: al-Zahra' li al-A'lam al-'Arabi.
- Roff, William R. 1967 *The origins of Malay Nationalism.* New Haven & London: Yale University Press.
- Safran, Nadav 1961. *Egypt in search of political community* Havard: Havard University Press.
- Shahin, Emad Eldin. 1994. *M. Rashid Rida and the West.* Virginia, USA. International Institut of Islamic Thought.
- Tauber, Eliezer. 1993. *The Arab movements in World War I.* London: Franck Cass.
- Tauber, Eliezer. 1998. The Political life of Rashid Rida. Dlm K Devenyi (edit.) Proceedings of the Arabic & Islamic sections of the 35<sup>th</sup> International Congress of Asian and North African Studies (ICANAS). Budapest, Hungary.

Farid Mat Zain  
Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.  
farid@ukm.my

